

FENOMENA RUWAIBIDHAH PADA ERA DIGITAL

Perbezaan pandangan dalam pelbagai bidang, khususnya berkaitan urusan agama, merupakan suatu realiti yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan masyarakat. Namun begitu, fenomena ini menjadi semakin kompleks pada era digital apabila perkembangan teknologi maklumat dan media sosial membolehkan setiap individu mengakses serta menyebarkan pelbagai maklumat hanya di hujung jari.

Walaupun kemudahan ini memberikan manfaat yang besar dalam penyebaran ilmu, ia juga membawa risiko yang serius. Antaranya ialah kebebasan bersuara tanpa batasan sehingga muncul individu yang berbicara tentang agama tanpa mengambil kira latar belakang keilmuan, kelayakan dan kepakaran mereka. Persoalannya, adakah seseorang itu layak dianggap sebagai ulama atau agamawan hanya kerana petah berbicara, mempunyai ramai pengikut di media sosial atau mampu memetik beberapa ayat al-Quran dan hadis?

Hakikatnya, Islam telah lama memberi panduan yang jelas agar umatnya sentiasa berhati-hati terhadap golongan yang tidak mempunyai kelayakan tetapi mencampuri urusan agama dan kepentingan masyarakat. Golongan ini dikenali dalam hadis sebagai *ruwaibidhah*.

Daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

سَيَأْتِي عَلَى النَّاسِ سِنُونَ خَدَاعَاتٍ، يُصَدَّقُ فِيهَا الْكَاذِبُ، وَيُكَذَّبُ فِيهَا الصَّادِقُ، وَيُؤْتَمَنُ فِيهَا
الْحَائِنُ، وَيُخَوَّنُ فِيهَا الْأَمِينُ، وَيَنْطِقُ فِيهَا الرُّوَيْبِضَةُ. قِيلَ: وَمَا الرُّوَيْبِضَةُ؟ قَالَ: السَّفِيهُ يَتَكَلَّمُ فِي أَمْرِ
الْعَامَّةِ

JABATAN MUFTI SARAWAK

Maksudnya: "Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan dan kekeliruan. Pada waktu itu, orang yang berdusta dipercayai, orang yang benar didustakan, orang yang khianat diberi amanah, manakala orang yang amanah dianggap sebagai pengkhianat. Dan pada ketika itu, golongan *ruwaibidhah* akan berbicara." Para sahabat bertanya: "Siapakah *ruwaibidhah* itu?" Baginda menjawab: "Iaitu orang yang bodoh berbicara mengenai urusan masyarakat umum."

(Hadis Riwayat Ahmad, no. 7912)

Dalam riwayat yang lain, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan lagi maksud *ruwaibidhah* dengan lafaz:

الرَّجُلُ التَّافَهُ يَتَكَلَّمُ فِي أَمْرِ الْعَامَّةِ

Maksudnya: "Iaitu seorang yang remeh dan tidak berkeelayakan berbicara mengenai urusan masyarakat umum."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, no. 4036; sahih)

Kedua-dua riwayat ini saling melengkapi dalam menjelaskan maksud *ruwaibidhah*. Dalam riwayat Musnad Ahmad, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menggunakan perkataan السَّفِيهُ, manakala dalam riwayat Ibnu Majah digunakan lafaz الرَّجُلُ التَّافَهُ.

Kedua-dua istilah tersebut merujuk kepada individu yang tidak mempunyai kelayakan ilmu, kepakaran dan autoriti syarie untuk berbicara atau menjadi rujukan dalam perkara yang melibatkan kepentingan masyarakat.

Syekh Muhammad Ibnu Abdul Hadi as-Sindi dalam *Hasyiah 'ala Sunan Ibnu Majah* menjelaskan bahawa perkataan الرَّجُلُ التَّافَهُ bermaksud الْحَقِيرُ الْيَسِيرُ, iaitu orang yang hina dan rendah kedudukannya. Beliau turut menghuraikan bahawa yang dimaksudkan ialah قَلِيلُ الدِّينِ قَلِيلُ الْعِلْمِ, iaitu individu yang cetek pegangan agamanya dan sedikit ilmunya.

Justeru, yang dimaksudkan dengan *ruwaibidhah* bukanlah seseorang yang miskin atau berkedudukan rendah dari sudut sosial, sebaliknya individu yang tidak mempunyai ilmu, kepakaran dan autoriti syarie, namun berani berbicara serta mengeluarkan pandangan dalam urusan awam.

Di samping itu, Imam Abdul Rauf al-Munawi dalam *Fayd al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir* menjelaskan bahawa perkataan الرَّوَيْضَةُ merupakan bentuk *tasghir* daripada perkataan رَابِضَةٌ, iaitu orang yang lemah dan tidak berkemampuan sehingga tidak mampu melibatkan diri dalam perkara-perkara besar serta tidak berusaha ke arahnya.

Namun demikian, pada akhir zaman golongan seperti inilah yang tampil berbicara mengenai urusan masyarakat. Beliau turut menjelaskan bahawa frasa *فِي أَمْرِ الْعَامَّةِ* merujuk kepada perkara-perkara yang melibatkan kepentingan masyarakat umum, sama ada berkaitan agama, pemerintahan, pendidikan, ekonomi mahupun urusan sosial yang memerlukan ilmu, kebijaksanaan dan kepakaran.

Berdasarkan penjelasan kedua-dua ulama tersebut, dapat difahami bahawa *ruwaibidhah* bukan sekadar merujuk kepada individu yang kurang ilmu, bahkan mereka yang tidak memiliki kelayakan ilmu, kepakaran dan autoriti syarie tetapi berani tampil sebagai rujukan masyarakat serta mengulas isu-isu besar yang melibatkan agama dan kepentingan umum. Hadis ini memberikan amaran bahawa antara tanda-tanda kerosakan akhir zaman ialah apabila individu sedemikian diberikan ruang serta pengaruh untuk menentukan hal-hal penting masyarakat, sedangkan golongan yang benar, amanah dan berilmu diketepikan.

Islam menegaskan bahawa setiap amanah hendaklah diserahkan kepada mereka yang benar-benar berhak dan berkelayakan. Allah *Subhanahu wata'ala* berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا...

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)..."

(Surah an-Nisa '4:58)

Apabila amanah diberikan kepada orang yang tidak layak, maka lahirlah pelbagai bentuk kekeliruan, penyelewengan dan kerosakan yang akhirnya menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Seperti hadis daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'As beliau berkata, "Aku mendengar daripada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda":

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَبْقَ

عَالِمًا أَخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا، فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu dengan mencabutnya secara langsung daripada dada manusia. Sebaliknya, Allah mencabut ilmu dengan

mewafatkan para ulama. Sehingga apabila tidak lagi tinggal seorang alim, manusia akan mengangkat orang-orang jahil sebagai pemimpin. Mereka ditanya tentang sesuatu hukum, lalu mereka berfatwa tanpa ilmu. Akhirnya mereka sesat dan menyesatkan orang lain.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 100)

Selain itu, Allah *Subhanahu wata'ala* turut melarang umat Islam daripada memperkatakan sesuatu tanpa ilmu yang sahih. Firman-Nya:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mengikuti apa-apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan serta hati semuanya itu akan dipertanggungjawabkan"

(Surah al-Isra' 17:36)

Umat Islam seharusnya mengambil perhatian pada ayat ini yang mengajarkan agar tidak berbicara berdasarkan sangkaan, emosi atau maklumat yang belum dipastikan kesahihannya. Setiap perkataan yang diucapkan akan dipersoalkan di hadapan Allah *Subhanahu wata'ala* pada hari akhirat kelak.

Dalam menghadapi persoalan agama, umat Islam diperintahkan untuk merujuk kepada mereka yang benar-benar memiliki ilmu dan kepakaran. Allah *Subhanahu wata'ala* berfirman:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Oleh itu, bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui."

(Surah an-Nahl 16:43)

Allah *Subhanahu wata'ala* juga meletakkan satu prinsip yang sangat penting dalam Islam, iaitu setiap urusan hendaklah dirujuk kepada ahlinya. Dalam bidang perubatan, masyarakat merujuk kepada doktor yang bertauliah. Dalam bidang kejuruteraan, mereka mendapatkan pandangan daripada jurutera yang berkemahiran. Begitu juga

dalam urusan agama, persoalan berkaitan akidah, ibadah, muamalat dan hukum-hakam hendaklah dirujuk kepada ulama yang benar-benar menguasai disiplin ilmu syariah. Populariti, kepetahan berbicara atau jumlah pengikut di media sosial sama sekali bukan ukuran autoriti keilmuan menurut Islam.

Justeru, masyarakat juga perlu memahami siapakah yang layak digelar sebagai ulama. Gelaran tersebut bukan diperoleh semata-mata melalui sijil akademik atau kemasyhuran di media sosial. Sebaliknya, seseorang ulama mestilah menguasai ilmu-ilmu syariah secara mendalam, berguru dengan para ulama yang muktabar, mempunyai sanad keilmuan yang jelas, beramal dengan ilmunya, memiliki sifat takwa dan akhlak yang mulia, serta diiktiraf oleh para ulama dan masyarakat sebagai tempat rujukan.

Sebahagian besar khazanah ilmu Islam terkandung dalam bahasa Arab, sama ada melalui al-Quran, hadis, kitab-kitab turath mahupun karya-karya ulama kontemporari. Oleh itu, penguasaan bahasa Arab merupakan salah satu kunci utama dalam memahami nas-nas syarak secara tepat. Tanpa penguasaan bahasa Arab dan kaedah-kaedahnya, seseorang mudah terdedah kepada kesilapan dalam memahami maksud al-Quran dan hadis, sekali gus berpotensi mengeluarkan pandangan yang bercanggah dengan kehendak syariat.

Fenomena *ruwaibidhah* merupakan antara cabaran terbesar umat Islam pada era digital. Perkembangan media sosial telah menghapuskan sempadan antara ahli ilmu dengan orang awam. Sesiapa sahaja boleh menghasilkan kandungan, memberikan pandangan dan mengulas isu-isu agama kepada jutaan pengguna dalam tempoh yang singkat. Keadaan ini menyebabkan masyarakat semakin sukar membezakan antara pandangan yang lahir daripada disiplin ilmu yang muktabar dengan pandangan yang sekadar berasaskan sangkaan, emosi atau pencarian maklumat yang terhad.

Lebih membimbangkan, terdapat segelintir masyarakat yang menjadikan bilangan pengikut, jumlah tontonan, kepetahan berbicara atau populariti sebagai ukuran kewibawaan seseorang. Sedangkan dalam Islam, autoriti ilmu dibina melalui proses pembelajaran yang panjang, bimbingan para ulama, penguasaan disiplin ilmu, ketakwaan serta amanah dalam menyampaikan ilmu.

Kesimpulannya, hadis mengenai *ruwaibidhah* merupakan peringatan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang sangat relevan sepanjang zaman, lebih-lebih lagi dalam era digital yang menyaksikan maklumat disebarakan tanpa sempadan. Hadis ini mengajar umat Islam agar sentiasa meletakkan ilmu pada tempatnya, menyerahkan amanah kepada ahlinya serta berhati-hati daripada menjadikan individu yang tidak mempunyai kelayakan ilmu, kepakaran dan autoriti syarie sebagai rujukan dalam urusan agama dan kepentingan masyarakat. Mudah-mudahan Allah *Subhanahu wata'ala* memelihara kita daripada fitnah *ruwaibidhah*, mengurniakan kepada kita kefahaman agama yang sahih serta menjadikan kita dalam kalangan hamba-hambanya yang sentiasa merujuk kepada ahli ilmu dalam setiap urusan.

